

# Jangan libatkan PM dalam isu Nanyang

— Chua  
UM 22 JUN 2001

KUALA LUMPUR 21 JUN — Naib Presiden MCA, Datuk Chua Jui Meng memberi amaran kepada pihak yang menyokong pembelian Nanyang Press Holdings Bhd. (Nanyang Press) oleh MCA supaya tidak mengheret atau menggunakan nama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam kancah pertikaian itu.

Menurut Chua, beliau sendiri berjumpa dengan Perdana Menteri yang menafikan bahawa pernah membuat sebarang pendirian dalam isu pembelian Nanyang Press oleh syarikat pelaburan MCA, Huaren Holdings Sdn. Bhd.

“Saya rasa adalah amat salah untuk melibatkan Perdana Menteri, dia tidak sepatutnya dibawa masuk ke dalam isu ini langsung.

“PM telah menyatakan dengan jelas bahawa dia tidak pernah membuat arahan supaya sesiapa pun membeli atau menyatakan sebarang pendirian mengenainya, jadi jangan heret Perdana Menteri dalam kemelut ini,” katanya ketika ditemui selepas majlis pembukaan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Chua mengulas mengenai laporan akhbar berbahasa Cina, *Sing Chiew Jit Poh* hari ini yang menggunakan tajuk ‘Perdana Menteri setuju MCA mengambil alih Nanyang.’